

**MENGHIDUPKAN SEPULUH HARI TERAKHIR BULAN RAMADHAN  
DENGAN IKTIKAF**

**20 Ramadan 1443H/ 22 April 2022M**

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Marilah kita menghidupkan sepuluh hari terakhir Ramadan ini. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam amat menggalakkan agar memperbanyakkan ibadah,

khususnya menghidupkan sepuluh hari terakhir dengan beriktikaf siang dan malam di masjid. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 187:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَبْشُرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ

**Yang bermaksud:** “Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib) dan janganlah kamu campuri isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. Demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukum-Nya kepada sekalian manusia supaya mereka bertakwa”

Salah satu amalan yang tidak pernah ditinggalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam bulan Ramadan ialah dengan menghidupkan amalan iktikaf iaitu pada sepuluh hari terakhir bulan tersebut sebagaimana hadis riwayat imam al-Bukhari dan Muslim:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ ، أَحْيَا اللَّيْلَ ، وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ ،

وَجَدَّ ، وَشَدَّ الْمُنَزَّرَ

**Yang bermaksud:** “Adalah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila tiba sepuluh malam terakhir bulan Ramadan, baginda menghidupkan malamnya

*(dengan solat dan berbagai ibadah), membangunkan keluarganya (untuk beribadat), bersungguh-sungguh dalam beribadah dan tidak menggauli isteri-isterinya.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam beriktikaf pada sepuluh terakhir Ramadan sehingga baginda wafat, kemudian sunnah tersebut diteruskan oleh para isteri baginda Sallallahu Alaihi Wasallam seperti yang dinyatakan dalam hadis riwayat daripada Imam al-Bukhari dan Muslim:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّخِرَ مِنْ رَمَضَانَ، حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ، ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ.

**Yang bermaksud:** *“Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam beriktikaf pada setiap sepuluh hari terakhir bulan Ramadan sehinggalah baginda wafat. Kemudiannya diikuti oleh isteri-isteri baginda selepas kewafatannya.”*

Sesiapa yang hendak mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam beriktikaf pada sepuluh malam terakhir Ramadan, maka hendaklah dia masuk ke masjid sebelum maghrib pada malam 21 Ramadan dan berterusan (tidak keluar) sehingga selepas maghrib pada malam hari raya.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Terdapat rahsia yang besar di sebalik syariat beriktikaf, khususnya sepuluh terakhir Ramadan. Di antara hikmah dan tujuannya ialah dapat mengasingkan diri daripada kesibukan urusan dunia serta hubungan sesama makhluk kepada

mengkhususkan masa yang istimewa ini untuk mencari keredaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Beriktikaf juga mampu membina kejernihan jiwa dan kekuatan rohani. Iktikaf adalah usaha terbaik untuk mendapatkan Lailatul Qadar. Oleh itu, pihak masjid hendaklah berusaha mengatur jadual dan pengisian program iktikaf sepanjang sepuluh hari terakhir Ramadan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ  
مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾

**Yang bermaksud:** “*Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam al-Qadr. Dan apakah engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam al-Qadr. Malam al-Qadr itu lebih baik daripada seribu bulan.*”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .